

## **Penyelesaian *Ta'arud al-Adillah* Melalui *Takhshīs al-Nuṭq* Dengan *Qiyās* dan Aplikasi Hukumnya dalam Mencegah Pandemi COVID-19**

### ***The Solution of Ta'arud al-Adillah through Takhshīs al-Nuṭq with Qiyās and Its Legal Applicaton in Preventing COVID-19***

**Abdul Azib Hussain<sup>1</sup> & Mohd Kamil Ahmad<sup>2</sup>**

- <sup>1</sup> (Corresponding Author) Department of Syariah, Ismail Petra International Islamic College, 15730, Malaysia, e-mail: azibhussain83@gmail.com.  
<sup>2</sup> Faculty for Language Studies and Generic Development, Universiti Malaysia Kelantan, 16300, Malaysia, e-mail: mohdkamil@umk.edu.my

#### **ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan tentang penyelesaian terhadap pertentangan antara dalil-dalil hukum melalui kaedah *takhshīs al-nuṭq* dengan *qiyās* dan aplikasi hukumnya dalam mencegah pandemik COVID-19. Kaedah *takhshīs al-nuṭq* dengan *qiyās* merupakan antara pendekatan yang digunakan oleh ulama Usul Fiqh untuk mengharmonikan antara dalil-dalil yang saling bertentangan. Pengaplikasian hukum melalui kaedah ini pula berkait dengan beberapa isu secara terpilih semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara isu-isu yang difokuskan ialah penangguhan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid ketika tempoh PKP serta penjarakan jemaah dalam saf solat. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode analisis kandungan. Aplikasi kaedah *takhshīs al-nuṭq* dengan *qiyās* menjadikan sumber dalil-dalil hukum sebagai rujukan namun diolah menurut disiplin ilmu Usul Fiqh. Hasil utama kajian mendapati ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan supaya menangguhkan sebarang aktiviti keagamaan di masjid dan surau semasa musim penularan pandemik adalah bertepatan dengan kaedah penyelesaian *ta'arud al-adillah* melalui pendekatan *takhshīs al-nuṭq* dengan *qiyās*. Ia bertujuan untuk mencegah penularan jangkitan virus korona. Oleh itu, kaedah ini amat membantu dalam menyelesaikan isu pertentangan dalil dan ia wajar ditonjolkan meskipun jarang diaplikasikan dalam proses istinbat hukum.

**Kata Kunci:** *Ta'arud al-adillah*; *Takhshīs al-nuṭq*; *Qiyās*; Istinbat hukum; Pandemi COVID-19

---

#### **ABSTRACT**

*This study discusses the solution of the contradiction between legal propositions through the method of takhshīs al-nuṭq with qiyās and its legal application in preventing COVID-19 pandemics. The method of takhshīs al-nuṭq with qiyās is one of the approaches practiced by the scholars of Usul Fiqh to complement between the*

*contradictory propositions. The legal application through this method is also related to some selected problems during the Movement Control Order (MCO). Hence, among the focused issues are on the postponement of Friday prayers and congregational prayers in mosques throughout the MCO period as well as the social distancing in prayers arrangement saf. The mode of this study is qualitatively descriptive using content analysis methods and library research. Application of the method of takhṣīṣ al-nuṭq with qiyās makes the source of legal arguments as a reference yet it is cultivated according to the discipline of Usul Fiqh. The results of the study found that the ruling issued by the government to postpone any religious activities and occasions in mosques and 'surau' throughout the contagious pandemic season coincides with the solution method of ta'arud al-adillah through takhṣīṣ al-nuṭq with qiyās. It aims to prevent the spread of corona virus infections. Therefore, this method is very helpful in solving the issue of propositional contradictions and it should be emphasized even it is rarely applied in the process of inferring the law.*

**Keywords:** *Ta'arud al-adillah; Takhṣīṣ al-nuṭq; Qiyās; Legal intervention; Pandemic COVID-19*

---

## 1. Pendahuluan

Al-Quran dan sunnah merupakan sumber sakral umat Islam yang menjadi rujukan hukum paling utama dan disepakati oleh para ulama. Al-Quran ialah wahyu Allah SWT yang azali, diturunkan oleh malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad SAW dan dipindahkan kepada kita daripada satu generasi kepada generasi secara mutawatir tanpa ada persepakatan di kalangan mereka untuk berbohong. Manakala sunnah pula merupakan perkataan, perbuatan atau pengakuan Nabi SAW yang sampai kepada kita secara riwayat atau khabar. Kedua-duanya dikenali sebagai dalil *naqlī* (Usāmah Faiṣal 2008).

Apabila timbul sesuatu isu yang memerlukan penyelesaian hukum namun ia tidak ditemui secara langsung dalam al-Quran atau sunnah, maka para ulama perlu berijtihad. Proses ijtihad mesti berpandukan disiplin ilmu Usul Fiqh. Ia merupakan usaha penyelidikan hukum yang mendalam, diaplikasikan untuk mengetahui jawapan atau kehendak Allah SWT terhadap sesuatu persoalan hukum yang timbul (Rahimin Affandi Abdul Rahim et. al 2009).

*Nuṣūṣ* syarak yang terdapat dalam al-Quran dan hadith mempunyai berbagai bentuk. Ada sebahagian lafaznya berbentuk *qaṭ'ī*, *ẓanni*, umum, khusus, *muṭlaq*, *muqayyad*, *mujmal*, *mubayyan* dan sebagainya. Manakala sumber-sumber dalil syarak pula ada yang disepakati dan tidak disepakati oleh ulama. Dalil-dalil syarak yang disepakati ulama adalah seperti al-Quran, sunnah, ijmak dan *qiyās*. Manakala dalil-dalil yang tidak disepakati ulama adalah seperti *al-istiṣhāb*, *al-istiḥsān*, *al-'urf*, *qawl al-ṣaḥābi*, *shar'u man qablanā*, *sadd al-zarā'i* dan *maṣāliḥ al-mursalāh* (Al-Sulamī, 2020).

Kepelbagaian bentuk lafaz *nusūṣ* syarak dan sumber dalil-dalil yang ada turut mempengaruhi ulama mujtahid dalam mengistinbat hukum dan melakukan proses ijtihad. Oleh tu, sebahagian keputusan hukum yang dikeluarkan oleh mereka ada yang sama dan ada yang berbeza, walaupun melibatkan topik permasalahan yang serupa. Terdapat banyak faktor yang membawa kepada persamaan dan perbezaan keputusan hukum tersebut. Antaranya adalah dalil-dalil syarak yang dijadikan sebagai hujah dilihat secara zahir mempunyai pertentangan antara satu sama lain, sama ada pertentangan *naṣ* dalam dalil yang sama atau pertentangan *naṣ* antara dalil-dalil yang berbeza. Perbincangan dalam hal ini disebut sebagai *ta'ārud al-adillah*.

Penguasaan ilmu *ta'ārud al-adillah* dilihat semakin kurang dikuasai oleh para agamawan pada masa kini. Perkara ini dapat dikesan apabila terdapat sebahagian daripada para agamawan sendiri mempertikaikan keputusan-keputusan hukum berkaitan penangguhan solat Jumaat dan penjarakan jemaah dalam saf solat ketika tempoh PKP yang telah dikeluarkan oleh pihak berautoriti di negara kita. Masing-masing cuba mendatangkan dalil-dalil hukum yang tersendiri. Jika isu ini terus dibiarkan, ia dikhuatiri menyebabkan sikap toleransi dan penghormatan terhadap institusi agama semakin terhakis. Oleh yang demikian, perbincangan berkaitan isu ini adalah penting sebagai mengetengahkan suatu pendekatan yang boleh mengharmonikan antara dalil-dalil yang saling bertentangan bersabit dengan perkara-perkara di atas.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan dua kaedah utama iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Dalam proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan metode dokumentasi. Antara sumber-sumber yang dirujuk adalah seperti kitab-kitab ilmu Usul al-Fiqh, jurnal-jurnal dan Internet. Manakala dalam proses analisis data, pengkaji menggunakan metode induktif, deduktif, komparatif dan analisis kandungan. Kajian ini memfokuskan kepada kaedah menyelesaikan pertembungan dalil melalui pendekatan *takhsīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās* serta aplikasi hukumnya dalam mencegah pandemik COVID-19. Skop kajian adalah berkait dengan isu penangguhan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid ketika tempoh PKP serta penjarakan jemaah dalam saf solat.

## 3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini menjelaskan tentang topik-topik utama perbincangan dan dapatan kajian yang dijalankan. Antara topik-topik yang dibahaskan ialah *ta'arud al-adillah* sebagai kaedah istinbat, konsep *ta'ārud al-adillah*, metode

ulama dalam menyelesaikan *ta'arud al-adillah*, penyelesaian *ta'arud al-adillah* melalui *takhshīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās*, aplikasi *takhshīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās* dalam istinbat hukum dan aplikasi hukum melalui *takhshīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās* dalam mencegah pandemi COVID-19.

### 3.1 *Ta'arud al-Adillah sebagai Kaedah Istinbat*

Mendalami ilmu *ta'arud al-adillah* merupakan salah satu kaedah untuk mengistinbat hukum yang disebut dalam ilmu Usul Fiqh sebagai *ṭuruq al-istinbāt*. Ia dapat menyelesaikan isu pertentangan dalil dan menetapkan hukum dalam sesuatu permasalahan. Melalui *ṭuruq al-istinbāt*, para ulama memahami maksud, matlamat dan cara pelaksanaan sesuatu hukum.

Bahkan para sahabat telah mempunyai kepakaran dalam berinteraksi dengan dalil-dalil syarak yang saling bertentangan, sekalipun metodologi ilmu Usul Fiqh masih belum disusun ketika zaman mereka hidup. Antara pendekatan yang digunakan oleh mereka dalam *ṭuruq al-istinbāt* adalah sama ada mentarjihkan salah satu daripada dua dalil yang saling bertentangan atau menghimpunkan antara kedua-dua dalil tersebut.

Misalnya isu berkaitan larangan Nabi SAW kepada sepasukan tentera para sahabat daripada solat Asar kecuali setelah memasuki perkampungan Bani Quraizah. Ibn 'Umar meriwayatkan hadith Nabi SAW:

لَا يُصَلِّيَنَّ أَحَدُ الْعَصْرِ إِلَّا فِي بَيْتِي فُرْنِظَةً. فَأَذْرَكَ بَعْضُهُمُ الْعَصْرَ فِي الطَّرِيقِ ، فَقَالَ بَعْضُهُمْ: لَا نُصَلِّي حَتَّى نَأْتِيَهَا ، وَقَالَ بَعْضُهُمْ: بَلْ نُصَلِّي ، لَمْ يَرِدْ مِنَّا ذَلِكَ ، فَذَكَرَ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ يُعَيِّفْ وَاحِدًا مِنْهُمْ

Terjemahan: Jangan ada seorang pun daripada kamu solat Asar kecuali setelah tiba di perkampungan Bani Quraizah. Ibn Umar berkata, lalu masuk waktu Asar ketika sebahagian daripada mereka dalam perjalanan. Maka sebahagian mereka berkata, “Jangan kita solat sehingga kita sampai di perkampungan Bani Quraizah”. Manakala sebahagian mereka yang lain pula berkata, “Bahkan, kita akan menunaikan solat kerana Nabi SAW tidak bermaksud demikian”. Lalu kejadian tersebut diceritakan kepada Nabi SAW dan Baginda SAW tidak mencela mereka sedikit pun.

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith: 4119]

Berdasarkan hadith di atas, bentuk pertentangan dalil berlaku antara *naṣ* umum iaitu firman Allah SWT إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا (Terjemahan: Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya)

mengenai kewajiban solat di dalam waktunya dengan *naş* khusus mengenai larangan Nabi SAW daripada solat kecuali setelah memasuki perkampungan Bari Quraizah.

Sebahagian para sahabat cuba menghimpunkan antara dua dalil tersebut melalui kaedah *takhşīs* iaitu menjadikan suruhan Nabi SAW supaya solat di perkampungan Bani Quraizah sebagai *naş* yang mengkhususkan dalil umum ke atas kewajiban solat dalam waktunya. Manakala sebahagian para sahabat lagi mentarjihkan suruhan menunaikan solat dalam waktunya sebagai kemestian yang perlu dilaksanakan supaya tidak luput waktu solat atau keluar daripada waktunya. Mereka memahami makna larangan daripada solat kecuali di perkampungan Bani Quraizah sebagai hukum makruh (Al-Barzanji 1993).

Kepakaran dalam berinteraksi dengan dalil-dalil syarak yang saling bertentangan juga diwarisi oleh para mujtahid. Setiap mujtahid mempunyai metode istinbat hukum yang menjadi asas untuk mereka berhujah. Misalnya, Imam al-Awza'i pernah bertanya kepada Imam Abu Hanifah mengenai isu mengangkat kedua-dua belah tangan ketika *takbīrat al-ihrām* di dalam solat. Imam Abu Hanifah menjelaskan bahawa perkara itu tidak sabit datangnya daripada Nabi SAW.

Lalu Imam al-Awza'i mendatangkan hadith riwayat Ibn 'Umar yang menyokong hujahnya. Namun Imam Abu Hanifah membalas hujah tersebut dengan mendatangkan hadith riwayat Ibn Mas'ud yang menyatakan sebaliknya. Imam al-Awza'i mentarjihkan riwayat Ibn 'Umar kerana ketinggian sanad dan rantaian perawi yang bersambung kepada Rasulullah SAW dalam jumlah yang sedikit. Manakala Imam Abu Hanifah mentarjihkan hadith riwayat Ibn Mas'ud kerana kefakihan perawinya (Al-Barzanji 1993).

Beginilah antara tindakan yang dilakukan oleh para sahabat dan ulama mujtahid apabila berlaku pertentangan dalil mengenai sesuatu isu. Mereka berusaha menyelesaikannya semampu mungkin sama ada bentuk pertentangan dalil tersebut berlaku antara al-Quran dengan al-Quran, sunnah dengan sunnah, atau sebagainya. Perbezaan metode yang digunakan oleh mereka sama ada menghimpunkan antara dua dalil yang saling bertentangan, atau mentarjihkan, atau memansuhkan salah satu daripadanya adalah bergantung kepada perbezaan aliran mereka dalam menyelesaikan *al-ta'ārud*.

### 3.2 *Konsep Ta'ārud al-Adillah*

*Al-ta'ārud* berasal dari kata dasar bahasa Arab *'arada*. Ia mempunyai beberapa maksud seperti *al-man'u* atau *al-muqābalah* (halangan atau berhadapan) (Ibn Manzūr 1994; Al-Fairūzābādī 2005). Misalnya seperti firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 224:

وَلَا تَجْعَلُوا اللَّهَ عُرْضَةً لِأَيْمَانِكُمْ أَنْ تَبَرُّوا وَتَتَّقُوا وَتُصَلِّحُوا بَيْنَ النَّاسِ

Terjemahan: Dan janganlah kamu jadikan (nama) Allah dalam sumpahmu sebagai penghalang untuk membuat kebajikan, bertakwa dan mengadakan islah di antara manusia (al-Baqārah, 2: 224).

Dan hadith mengenai malaikat Jibril yang datang membaca al-Quran bersama Nabi SAW:

أَنَّ جِبْرِيلَ كَانَ يُعَارِضُنِي بِالْقُرْآنِ كُلَّ سَنَةٍ ، وَإِنَّهُ عَارِضُنِي الْعَامَ مَرَّتَيْنِ ، وَلَا أَرَاهُ إِلَّا حَضَرَ أَجْلِي

Terjemahan: Sesungguhnya Jibril akan menghadap di hadapanku membaca al-Quran pada setiap tahun. Namun pada tahun ini beliau telah menghadap di hadapanku sebanyak dua kali. Aku tidak melihat hal itu melainkan sebagai isyarat bahawa kematianku semakin dekat

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no ḥadīṭh: 3624]

Secara etimologi *al-ta'arud* bermaksud kontradiksi atau pertentangan. Manakala menurut terminologi ulama usul, ia mempunyai beberapa definisi. Al-Zarkashī (1994) mentakrifkan *al-ta'arud* sebagai *تَقَابُلُ الدَّلِيلَيْنِ عَلَى سَبِيلِ الْمُضَادَّةِ* iaitu berhadapan-hadapan antara dua dalil dengan cara yang saling bertentangan. Al-Sharkhasī (1996) pula mendefinisikannya sebagai pertentangan antara dua hujah yang seakan sama apabila salah satu daripada dua hujah tersebut mewajibkan hukum yang berlawanan dengan apa yang diwajibkan oleh hujah yang lain seperti halal dan haram serta menafikan dan mengisbatkan. Manakala menurut al-Shaukānī (1999) *al-ta'arud* bererti salah satu daripada dua dalil menunjukkan hukum yang berlawanan pada suatu peristiwa dan keadaan. Sementara al-Khudārī Bik (1969) mendefinisikannya sebagai pertentangan antara dua dalil dari sudut maksud.

Daripada definisi yang telah dijelaskan di atas, *ta'arud al-adillah* boleh dirumuskan sebagai pertentangan antara dalil-dalil syarak secara mutlak, di mana salah satu daripada dalil-dalil tersebut menghendaki hukum yang tidak dihendaki oleh dalil yang lain.

Antara contohnya seperti hukum kewajipan beridrah kepada wanita yang diceraikan sama ada sebelum berlaku persetubuhan atau selepasnya. Firman Allah SWT:

وَالْمُطَلَّاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ

Terjemahan: Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (daripada berkahwin) selama tiga kali suci (daripada haid) (al-Baqārah, 2: 228).

Sedangkan ayat yang lain pula menjelaskan pengecualian beridrah bagi wanita yang diceraikan sebelum berlaku persetubuhan. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُونَهَا

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! Apabila kamu menikahi perempuan-perempuan yang beriman kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kami mencampurinya maka tidak wajib ke atas mereka idah bagimu yang kamu minta menyempurnakannya (al-Aḥzāb, 33: 49).

Kedua-dua ayat di atas dilihat saling bertentangan dari sudut hukum. Namun pada hakikatnya, tidak ada pertentangan di dalam syariat walaupun terdapat berbagai bentuk dalil yang saling berlawanan. Pertentangan dalil tersebut hanya pada pandangan zahir sahaja ('Abd al-Wahhāb Khallāf t.th), supaya mujtahid berpeluang untuk menyingkap rahsia di sebalik tekstual *nusūṣ* syarak. Ini bererti, menjadi kewajipan dan tugas sarjana Islam untuk menyelesaikannya (Ahmad Atabik 2015).

### 3.3 *Metode Ulama dalam Menyelesaikan Ta'arud al-Adillah*

Allah SWT berfirman:

وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا

Terjemahan: Dan kalaulah al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya (al-Nisā', 4: 82).

Ayat di atas menjelaskan kepada kita bahawa mustahil dalil-dalil syarak saling berlawanan antara satu sama lain pada satu waktu dalam satu masalah. Kerana hal ini menunjukkan tanda-tanda ketidakmampuan Syāri' dan sudah pasti ia mustahil bagi Allah SWT (Ahmad Atabik 2015).

Menyedari hal ini, para ulama Usul Fiqh telah berusaha untuk menyelesaikan kontradiksi *naṣ* antara dalil-dalil dengan semampu mungkin. Mereka telah menggariskan berbagai kaedah, sama ada melalui pendekatan dalil yang setaraf dengannya seperti al-Quran dengan al-Quran atau sunnah dengan sunnah atau sebaliknya seperti al-Quran dan sunnah dengan *qiyās*.

Secara umum, terdapat dua pendekatan berbeza ulama usul dalam menyelesaikan *ta'arud al-adillah* iaitu menurut aliran Hanafiyyah dan aliran jumur *mutakallimīn*.

### i) Metode Ulama Hanafiyyah Menyelesaikan *al-Ta'arud*

Bagi ulama Hanafiyyah, *al-ta'arud* boleh berlaku antara *nuṣūṣ* syarak dan dalil-dalil selain *naṣ*. Contoh dalil-dalil selain *naṣ* adalah seperti *al-ta'arud* antara dua *qiyās*. Dalam hal ini, seorang mujtahid harus mentarjihkan salah satu daripada dua *qiyās* tersebut.

Namun apabila *al-ta'arud* berlaku antara dua *naṣ*, maka ulama Hanafiyyah menyelesaikannya mengikut tertib seperti langkah-langkah berikut (Al-Barzanji 1993):

- a) *Al-nasakh* iaitu memansuhkan. Seorang mujtahid dituntut untuk mengenal pasti sejarah berkaitan dua dalil *naṣ* tersebut. Apabila diketahui kedua-dua dalil tersebut secara pasti, maka dalil yang terkemudian akan memansuhkan dalil yang terdahulu daripadanya.
- b) *Al-tarjīh* iaitu menguatkan salah satu daripada dua dalil yang saling bertentangan. Apabila seorang mujtahid tidak dapat mengenal pasti sejarah kedua-dua dalil tersebut, maka beliau mentarjihkan salah satu daripadanya berdasarkan beberapa metode tarjih. Contohnya seperti mentarjihkan dalil *muḥkam* berbanding dalil *mufassar*, mentarjihkan *'ibārat al-naṣ* berbanding *isyārat al-naṣ* dan mentarjihkan hukum haram berbanding hukum harus.
- c) *Al-jam'u wa al-tawfiq* iaitu menghimpun dan mengkompromikan antara dalil-dalil yang bertentangan. Apabila sukar untuk dilakukan pentarjihan, maka seorang mujtahid beralih kepada kaedah menghimpun dan mengkompromikan antara dua dalil. Metode yang diaplikasikan adalah sesuai menurut tabiat *naṣ*. Jika antara dua dalil tersebut ada yang bersifat umum dan khusus secara mutlak atau mutlak dan *taqyīd*, maka dihimpunkan dengan cara takwilan pada pihak dalil yang bersifat umum dan mutlak sahaja. Manakala jika kedua-dua dalil tersebut sama-sama bersifat umum, maka dihimpunkannya dengan cara dipadankan kedua-dua dalil tersebut ke atas setiap kes yang berlaku lalu dikaitkan hukum salah satu daripada keduanya dengan setengah yang lain (Al-Hafnāwī 1987).
- d) *Al-tasāqut* iaitu menggugurkan dua dalil yang saling bertentangan. Pada ketika ini, mujtahid mencari dalil lain yang lebih rendah kedudukannya. Jika terdapat dalam satu masalah dua dalil al-Quran yang saling bertentangan dan tiada jalan untuk menghimpunkannya (beramal dengan kedua-dua dalil) atau mentarjihkan salah satunya, maka mujtahid bertindak menggugurkan kedua-duanya dan beralih kepada sunnah. Jika kedua-dua dalil sunnah juga mempunyai isu yang sama, maka mujtahid akan merujuk kepada *qawl al-ṣaḥābī* atau *qiyās* (Usāmah Faiṣal 2008, Al-Wābil 2019).



## ii) Metode Ulama *Mutakallimīn* Menyelesaikan *al-Ta'ārud*

Manakala jumhur ulama *mutakallimīn* seperti Shāfi'iyah menyelesaikan permasalahan *al-ta'ārud* secara tertib mengikut tahap-tahap berikut (Al-Barzanji 1993):

**Pertama:** *Al-jam'u wa al-tawfīq* iaitu menghimpun dan mengkompromikan antara dua dalil yang saling berlawanan dengan cara yang boleh diterima oleh syarak. Ini kerana beramal dengan dalil adalah lebih utama daripada mensia-siakannya. **Kedua:** *Al-tarjīh* iaitu mentarjihkan antara dua dalil tersebut apabila tidak mampu untuk menghimpunkannya. **Ketiga:** *Al-nasakh* iaitu memansuhkan salah satu daripada dua dalil yang saling berlawanan apabila diketahui sejarahnya kerana sukar untuk menghimpunkan dan mentarjihkannya. **Keempat:** *Al-tasāqut* iaitu menggugurkan dua dalil yang saling berlawanan apabila mengetahui persamaan kedudukannya dan tidak mengetahui sejarahnya serta sukar untuk menghimpun dan mentarjihkannya. Kemudian beralih kepada dalil yang lebih rendah kedudukannya atau kembali kepada *al-barā'ah al-aşliyyah* (Al-Barzanji 1993).

Aliran jumhur ulama *mutakallimīn* mendahulukan metode *al-jam'u wa al-tawfīq* berbanding metode tarjih kerana mereka berhujah bahawa dalil-dalil syarak wajib ditanggung sebaik mungkin supaya tidak membawa kepada kekurangan. Menurut mereka, kaedah menghimpun dan mengkompromikan antara dalil-dalil merupakan cara terbaik untuk membersihkannya daripada sebarang kekurangan kerana melalui pendekatan ini, ia dapat menghilangkan pertentangan antara dalil-dalil yang mungkin membawa kepada pertikaian (Al-Barzanji 1993).

### 3.3 Penyelesaian *Ta'ārud al-Adillah* Melalui *Takhṣīṣ al-Nuṭq* Dengan *Qiyās*

Setelah diterangkan metode ulama dalam menyelesaikan pertentangan antara dalil-dalil, maka jelas kepada kita bahawa pendekatan menghimpunkan antara dua dalil merupakan salah satu cara yang diguna pakai oleh mereka dalam proses istinbat hukum. Bagi jumhur ulama *mutakallimīn*, pendekatan *al-jam'u wa al-tawfīq* merupakan langkah pertama untuk menyelesaikan isu *al-ta'ārud*. Namun bagi ulama Hanafiyah, mereka meletakkan kaedah ini sebagai langkah yang ketiga. Imam al-Ghazali (1993) telah membincangkan peringkat *al-jam'u wa al-tawfīq* dan beliau mengklasifikasikannya kepada tiga tahap. Tahap yang paling utama adalah pertentangan antara dalil umum dan khusus.

*Nuṣūṣ* syarak ada sebahagiannya bersifat umum serta hukum-hakamnya didatangkan dalam bentuk yang tidak terbatas serta merangkumi setiap aspek dan keadaan. Contohnya seperti hadith Nabi SAW:

فِيمَا سَقَّتِ السَّمَاءُ الْعُشْرُ

Terjemahan: Pada hasil pertanian yang disirami dengan air hujan ada zakatnya sebanyak satu persepuluh.

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. ḥaḍīṭh: 1483].

Hadith pertama di atas tidak menentukan berapakah nisab yang diwajibkan zakat ke atas hasil pertanian yang disirami dengan air hujan. Oleh itu, menyusul hadith seterusnya menyentuh isu yang sama melalui sabda Nabi SAW:

لَيْسَ فِيْمَا دُونَ خَمْسَةِ أَوْسُقٍ صَدَقَةٌ

Terjemahan: Tidak dikenakan zakat bagi hasil pertanian yang kurang daripada lima *wasaq* (iaitu bersamaan dengan 363 gantang Malaysia).

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. ḥaḍīṭh: 1447, 1484; *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. ḥaḍīṭh: 979].

Dalam situasi ini, terdapat dua dalil yang saling bertentangan. Hadith pertama bersifat umum kerana tidak menyatakan batasan terhadap nisab zakat. Manakala hadith kedua pula bersifat khusus kerana menghadkan kewajipan zakat bagi hasil tanaman yang melebihi lima *wasaq* sahaja. Permasalahan *al-ta'arud* ini diselesaikan melalui kaedah *al-jam'u wa al-tawfiq* menggunakan pendekatan *takhṣīṣ*.

Proses takhsis memerlukan kepada *mukhaṣṣiṣ*. Ia berfungsi untuk membataskan *naṣ-naṣ* umum kepada perkara yang lebih spesifik dan tertentu. Para ulama usul telah berbahas mengenai hukum beramal dengan *dalālah al-'ām* sebelum wujud pentakhsisnya (*al-mukhaṣṣiṣ*). Sebahagian mereka berpandangan bahawa ulama usul telah sepakat di atas ketidakhurusan beramal dengan *naṣ* umum sebelum terlebih dahulu mencari *mukhaṣṣiṣnya*. Namun pandangan ini telah disangkal oleh sebahagian mereka yang lain dan menyatakan bahawa harus beramal dengan *naṣ* umum walaupun sebelum ditemui *mukhaṣṣiṣnya*. Ini kerana *naṣ* umum tetap kekal diamalkan dalam perkara tertentu yang bersifat umum.

Ulama usul mempunyai sudut pandang yang berbeza mengenai penggunaan *mukhaṣṣiṣ* dalam proses *takhṣīṣ*. Perbezaan sudut pandang mereka berpunca daripada perbezaan penilaian terhadap *dalālah al-'ām* pada *naṣ* al-Quran dan hadith, sama ada ia bersifat *ẓanniyyah* atau *qaṭ'iyyah*. Aliran Hanafiyyah umpamanya berpendapat bahawa *dalālah al-'ām*

termasuk daripada dalil *qat'ī*. Oleh itu, *mukhaṣṣiṣ* di sisi aliran mereka adalah lebih sedikit kerana kedudukan *mukhaṣṣiṣ* harus setaraf dengan dalil *qat'ī* dalam proses *takhṣiṣ*. Justeru, mereka hanya menjadikan *mukhaṣṣiṣ* di atas tiga sumber iaitu: (a) *al-'aql* (akal); (b) *al-'urf wa al-'ādah* ('uruf atau adat kebiasaan) dan; (c) *al-kalām al-mustaqil al-muqārin li al-'ām* (dalil berasingan yang berkait dengan dalil umum) (Al-Hafnāwī 1997).


Namun bagi aliran *mutakallimīn*, mereka berpandangan bahawa *dalālah al-'ām* termasuk daripada dalil *ẓannī*. Oleh itu, *mukhaṣṣiṣ* di sisi aliran mereka adalah lebih luas dan lebih banyak. Namun secara umumnya ia terbahagi kepada dua jenis iaitu *mukhaṣṣiṣ muttaṣil* dan *mukhaṣṣiṣ munfaṣil* (Al-Hafnāwī 1997). *Mukhaṣṣiṣ muttaṣil* ialah *mukhaṣṣiṣ* yang tidak terpisah daripada dalil dan berkait dengan lafaz yang disebut dalam *naṣ* umum. Manakala *mukhaṣṣiṣ munfaṣil* pula adalah *mukhaṣṣiṣ* yang berasingan daripada dalil dan tidak termasuk dalam *naṣ* yang sama.

Jumhur ulama usul telah memperincikan pecahan *takhṣiṣ muttaṣil* kepada empat iaitu: (a) *al-istithnā'* (pengecualian); (b) *taqyīd bi al-shart* (pengaitan dengan syarat); (c) *taqyīd bi al-sifah* (pengaitan dengan sifat) dan; (d) *al-ghāyah* (sampai batasan) (Adham Tamām Farāj 2016)

Manakala *takhṣiṣ munfaṣil* pula diperincikan pecahannya kepada lima iaitu: (a) *takhṣiṣ* al-Quran dengan al-Quran; (b) *takhṣiṣ* al-Quran dengan sunnah; (c) *takhṣiṣ* sunnah dengan al-Quran; (d) *takhṣiṣ* sunnah dengan sunnah dan; (e) *takhṣiṣ* al-Quran dan sunnah dengan *qiyās*. Menurut Imam al-Haramayn al-Juwaynī (2003), al-Quran dan sunnah juga dipanggil sebagai *al-nuṭq*. Begitu juga, istilah *takhṣiṣ al-nuṭq* sering disebut oleh sebahagian ulama dengan *takhṣiṣ al-naṣ*.

Gambaran mengenai pembahagian *takhṣiṣ* dan pecahannya ditunjukkan seperti rajah di bawah:

Rajah 1: Pembahagian *Takhshīṣ* dan Pecahannya Menurut Jumhur Ulama.



(Sumber: Abdul Azib & Mohd Kamil, 2021)

Daripada rajah di atas, dapat difahami bahawa kaedah *takhshīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās* merupakan antara pendekatan yang diaplikasikan oleh jumhur ulama usul untuk menyelesaikan permasalahan *al-ta'arud* iaitu dengan cara mengkompromikan antara dua dalil yang saling bertentangan.

### 3.5 Aplikasi *Takhshīṣ al-Nuṭq* dengan *Qiyās* dalam *Istinbat Hukum*

Jumhur ulama usul berpandangan bahawa harus *takhshīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās* secara mutlak sama ada *qiyās* tersebut *jaliy* atau *khafiy* (Abū al-Husīn al-Basri 1983; al-Baidāwī 1996; al-Bājī 2000; dan al-Taftāzāni 1983). Hal ini kerana *qiyās* juga bersandarkan kepada *naṣ* al-Quran dan hadith, maka ia seolah-olah dikira *mukhaṣṣiṣ*. Kefahaman terhadap hujah mereka serta aplikasi *takhshīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās* dalam proses istinbat hukum boleh digambarkan seperti berikut:

Terdapat suatu *naṣ* umum dalam al-Quran atau hadith yang menjelaskan mengenai masalah tertentu. Kemudian *naṣ* umum tersebut telah ditaksiskan oleh *naṣ* yang lain. Namun, terdapat pula masalah baru (perkara cabang) yang hampir menyamai masalah yang telah ditaksiskan tadi di mana *'illah* hukumnya adalah sama. Contohnya seperti hukuman ke atas sahaya lelaki yang berzina. Abū Ya'la al-Farrā' (1993) dan al-Sam'āni (1999) berkata bahawa hukuman 50 kali sebatan ke atas sahaya lelaki yang berzina adalah hasil istinbat melalui *naṣ* umum yang telah ditaksiskan dengan *qiyās*.

Allah SWT berfirman:

الرَّانِيَةُ وَالرَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ

Terjemahan: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang daripada keduanya seratus kali sebat. (al-Nūr, 24: 2).

Ayat di atas adalah umum kerana merangkumi wanita dan lelaki yang berzina sama ada merdeka atau sahaya. Hukuman ke atas mereka adalah sebatan sebanyak 100 kali. Namun hukuman ke atas sahaya wanita telah ditaksirkan oleh *naş* yang lain berbunyi:

فَإِذَا أَحْصِىَ فَإِنَّ أَتَيْنَ بِفَحِشَةٍ فَعَلَيْهِنَّ نِصْفُ مَا عَلَى الْمُحْصَنَاتِ مِنَ الْعَذَابِ

Terjemahan: Kemudian setelah mereka (hamba-hamba perempuan itu) berkahwin, lalu mereka melakukan perbuatan keji (zina), maka mereka dikenakan separuh daripada (hukuman) seksa yang ditetapkan ke atas perempuan-perempuan yang merdeka (al-Nisā', 4: 25).

Ayat 25 dalam surah al-Nisā' di atas telah mengkhususkan hukuman ke atas wanita sahaya yang berzina dengan sebatan sebanyak 50 kali. Namun bagaimana pula hukuman ke atas lelaki sahaya yang berzina? Maka dikiaskan hukuman ke atas sahaya wanita yang berzina dalam ayat 25 surah al-Nisā' ke atas sahaya lelaki yang berzina kerana kedua-duanya mempunyai persamaan 'illah hukum dari sudut perhambaan. Perbincangan aplikasi kaedah *takhşīş al-nuţq* dengan *qiyās* dalam proses istinbat hukum diringkaskan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Aplikasi Kaedah *Takhşīş al-Nuţq* dengan *Qiyās* dalam Istibat Hukum

Teori Kaedah			Aplikasi Kaedah
Peringkat	Perkara	Butiran	
Peringkat 1	Ta'arud al-adillah	Naş umum (ayat 2, surah al-Nūr)	Hukuman ke atas perempuan dan lelaki yang berzina disebat 100 kali sama ada merdeka atau sahaya
		Naş khusus (ayat 25, surah al-Nisā')	Hukuman ke atas sahaya wanita yang berzina disebat 50 kali
Peringkat 2	Takhşīş	Ayat 2 surah al-Nūr ditaksirkan dengan ayat 25 surah al-Nisā'	Hukuman ke atas sahaya wanita yang berzina disebat 50 kali
Peringkat 3	Qiyas	Perkara asal	Wanita sahaya yang berzina
Peringkat 4		Hukum perkara asal	Sebatan 50 kali

Peringkat 5		Perkara cabang	Lelaki sahaya yang berzina
Peringkat 6		' <i>Illah</i> hukum perkara asal	Perhambaan
Peringkat 7	Natijah	Hukum terhadap lelaki sahaya yang berzina	Sebatan 50 kali

(Sumber: Abdul Azib & Mohd Kamil, 2021)

Daripada contoh perbincangan di atas, terdapat satu permasalahan yang mempunyai dua dalil namun saling bertentangan antara satu sama lain dari sudut hukum. Satu daripada dalil tersebut berbentuk umum. Ia menegaskan hukuman ke atas wanita dan lelaki yang berzina adalah disebat sebanyak 100 kali. Manakala satu dalil lagi berbentuk khusus. Ia menyatakan hukuman ke atas sahaya wanita yang berzina adalah disebat sebanyak 50 kali. Dengan cara menghimpun dan mengkompromikan antara dua dalil tersebut melalui kaedah taksis, maka ia dapat menyelesaikan permasalahan *al-ta'arud*. Seterusnya isu hukuman ke atas sahaya lelaki yang berzina diselesaikan melalui pendekatan *qiyās*. Inilah yang dimaksudkan dengan aplikasi kaedah *takhṣīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās* dalam proses istinbat hukum.

### 3.6 Aplikasi Hukum Melalui *Takhṣīṣ al-Nuṭq* dengan *Qiyās* dalam Mencegah Pandemi COVID-19

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah meletakkan negara kita pada suatu keadaan yang hampir menyamai darurat. Pada peringkat awal ketika pandemik ini menular secara meluas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan kenyataan media berkaitan penangguhan sebarang aktiviti keagamaan di masjid dan surau bermula 17 Mac 2020 (Zulkifli al-Bakri 2020). Kemudian ia dilanjutkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Prime Minister's Office of Malaysia 2020). Hal ini termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid.

*World Health Organization* (WHO) (2021) juga telah menjelaskan beberapa cara untuk mencegah penularan wabak COVID-19. Antaranya adalah dengan mengamalkan penjarakan fizikal dengan jarak minimum satu meter daripada orang ramai dan di tempat awam yang sesak. Ketua Pengarah Kesihatan (2020) juga menegaskan perkara yang sama dalam kenyataan akhbar beliau pada 11 Mac 2020.

Secara umumnya, tidak seorang pun dapat mengetahui secara pasti sama ada seseorang itu positif jangkitan virus korona atau tidak (Eko Misbahuddin Hasibun dan Muhammad Yusran 2020). Oleh itu, amalan penjarakan fizikal dan tidak berhubungan secara langsung dengan sesiapa pun adalah sebagai suatu langkah ikhtiar untuk menyelamatkan diri daripada dijangkiti virus korona. Hal ini juga memberi implikasi secara langsung

dalam aktiviti ibadat seperti solat berjemaah, solat jenazah, ibadat haji dan umrah serta lain-lain lagi.

Berdasarkan latar belakang di atas, maka perbincangan seterusnya akan menghuraikan pendekatan melalui kaedah *takhṣīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās* dalam menyelesaikan permasalahan hukum berkaitan penangguhan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid serta penjarakan jemaah dalam saf solat. Begitu juga bagaimana aplikasi hukumnya untuk mencegah penularan pandemik COVID-19.

### i) Penangguhan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid.

Pada asasnya, kewajipan solat Jumaat tidak gugur tanpa sebarang keuzuran syarak. Bahkan orang yang meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali tanpa uzur syarie dikira sebagai seorang munafik serta dikenakan hukuman *ta'zīr* (Siti Zubaidah Ismail 2008). Sabda Nabi SAW:

مَنْ تَرَكَ الْجُمُعَةَ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ تَهَاوُنًا بِهَا طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قَلْبِهِ

Terjemahan: Sesiapa yang meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali kerana mengambil mudah terhadapnya, nescaya Allah mematerikan hatinya.

[*Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith: 500]

Namun terdapat dalil umum daripada hadith yang menerangkan tentang bentuk keuzuran yang mengharuskan untuk tidak dilaksanakan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid. Ia berdasarkan kepada sabda Nabi SAW:

مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَمْنَعَهُ مِنْ اتِّبَاعِهِ عُذْرٌ فَلَا صَلَاةَ لَهُ. «. قَالُوا : وَمَا الْعُذْرُ؟ قَالَ: « حَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ»

Terjemahan: Barang siapa yang mendengarkan azan dan tidak punya alasan sehingga tidak menjawabnya (tidak mendatanginya), maka tidak diterima solat yang dia kerjakan). Para sahabat bertanya, 'Apakah alasan (uzur) itu?' Baginda menjawab, 'Takut atau sakit'

[*Sunan al-Bayhaqī*, no. hadith: 4826, 5431; *Sunan Abū Dāwud*, no hadith: 551]

Hadith di atas menerangkan secara umum tentang alasan yang menjadi sebab kepada seseorang dibenarkan untuk tidak menghadiri solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid iaitu kerana takut atau sakit. Kedua-dua alasan boleh disifatkan sebagai suatu kemudharatan. Namun, terdapat larangan secara khusus daripada Rasulullah SAW ke atas sahabat yang memakan

bawang putih atau bawang merah daripada hadir solat di masjid. 'Illahnya adalah kerana ia memudaratkan jemaah. Sabda Nabi SAW:

مَنْ أَكَلَ ثُومًا أَوْ بَصَلًا فَلْيَعْتَزِلْنَا أَوْ قَالَ فَلْيَعْتَزِلْ مَسْجِدَنَا وَلْيُقْعِدْ فِي بَيْتِهِ

Terjemahan: 'Barang siapa yang memakan bawang putih atau bawang merah maka jauhilah kami', atau Baginda bersabda, 'Jauhilah masjid kami dan duduklah di rumahnya'

[*Sunan Abū Dāwud*, no hadith: 3822]

Larangan daripada hadir solat ke masjid dalam hadith di atas adalah melibatkan perkara *tahsīniyyāt* iaitu mengganggu jemaah dengan bau yang tidak menyenangkan. Mudarat yang terhasil daripada bau bawang secara logiknya tidak sampai kepada tahap mematikan. Jadi bagaimana pula hukum hadir solat Jumaat dan solat berjemaah ketika pandemik COVID-19 yang mudaratnya lebih besar iaitu melibatkan perkara *darūriyyāt* seperti nyawa? Maka aplikasi hukum dalam kes ini menggunakan pendekatan kaedah *takhsīs al-nuṭq* dengan *qiyās*. Ia diringkaskan seperti jadual di bawah:

Jadual 2: Aplikasi Kaedah *Takhsīs al-Nuṭq* dengan *Qiyās* dalam Isu Solat Jumaat dan Solat Berjemaah.

Teori Kaedah			Aplikasi Kaedah
Peringkat	Perkara	Butiran	
Peringkat 1	<i>Ta'arud al-adillah</i>	<i>Naṣ</i> umum (hadith tentang larangan meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali tanpa sebarang keuzuran syar'i atau kerana meringankannya)	Hadith kewajipan hadir solat Jumaat jika tiada sebarang keuzuran syar'i
		<i>Naṣ</i> khusus (hadith tentang larangan hadir ke masjid kerana memakan bawang putih atau bawang merah)	Hadith larangan daripada hadir solat ke masjid kerana bau yang tidak menyenangkan
Peringkat 2	<i>Takhsīs</i>	Hadith umum tentang kewajipan menunaikan solat Jumaat tanpa sebarang keuzuran syar'i telah ditaksiskan dengan hadith larangan hadir ke masjid kerana memakan bawang putih dan bawang merah	Larangan daripada hadir solat ke masjid kerana bau yang tidak menyenangkan
Peringkat 3	Qiyas	Perkara asal	Memakan bawang



Peringkat 4		Hukum perkara asal	Dilarang hadir ke masjid
Peringkat 5		Perkara cabang	Pendemik COVID-19
Peringkat 6		'Illah hukum perkara asal	Memudaratkan jemaah
Peringkat 7	Natijah	Hukum hadir ke masjid kerana pendemik COVID-19	Dilarang hadir ke masjid

(Sumber: Abdul Azib & Mohd Kamil, 2021)

Berdasarkan jadual 2 di atas, dalil larangan hadir ke masjid bagi mereka yang memakan bawang telah dikiaskan dengan isu pendemik COVID-19 kerana perkongsian 'illah dari sudut memudaratkan jemaah. Pada pandangan akal, kemudaratkan akibat pendemik COVID-19 adalah lebih besar risikonya ke atas jemaah berbanding kemudaratkan memakan bawang. Jadi aplikasi kaedah *takhṣīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās* ini bertepatan dengan pandangan sebahagian ulama usul yang menyatakan bahawa kaedah ini adalah harus jika menggunakan *qiyās jaliy*. Ini kerana *illah* hukumnya boleh diketahui melalui zahir *naṣ* tanpa perlu kepada mencari dalil, seumpama haram memukul dan mencaci ibu bapa kerana lebih besar mudaratnya berbanding hanya berkata 'ah' kepada mereka.

Justeru, arahan menanggungkan sebarang aktiviti keagamaan di masjid dan surau pada ketika itu boleh difahami sebagai mengaplikasikan hukum yang telah dikeluarkan melalui kaedah *takhṣīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās*. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memutuskan rangkaian jangkitan virus korona.

## ii) Penjarakan jemaah dalam saf solat.

Dalam situasi keadaan biasa tanpa sebarang darurat seperti peperangan, sakit dan takut, rapat serta meluruskan saf dalam solat berjemaah hukumnya adalah sunat. Ia juga termasuk sebahagian daripada kesempurnaan solat. Ini berdasarkan kepada hadith Nabi SAW:

سَوُّوا صُفُوفَكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ إِفَامَةِ الصَّلَاةِ

Terjemahan: Luruskan saf-saf kamu kerana sesungguhnya ia sebahagian dari kesempurnaan mendirikan solat

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no hadith: 723]

أَمُّوا صَفُوفَكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصَّفِّ مِنْ تَمَامِ الصَّلَاةِ

Terjemahan: Sempurnakanlah saf-saf kamu kerana sesungguhnya ia sebahagian kesempurnaan solat

[*Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*, no. hadith: 2171]

Manakala kedudukan saf yang paling utama adalah saf pertama. Ini bersandarkan kepada hadith Nabi SAW:

لَوْ يَعْلَمُ النَّاسُ مَا فِي الْبَدَاءِ وَالصَّفِّ الْأَوَّلِ، ثُمَّ لَمْ يَجِدُوا إِلَّا أَنْ يَسْتَهْمُوا عَلَيْهِ لَأَسْتَهَمُوا

Terjemahan: Sekiranya manusia mengetahui apa (kebaikan) yang terdapat pada azan dan saf yang pertama, kemudian mereka tidak mendapati cara untuk mendapatkan ia melainkan dengan mencabut undi, pasti mereka akan mencabut undi

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no hadith: 615, 2689; *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. ḥaḍīṭh: 129]

Manakala syarat sah mengikut imam menurut mazhab Shafi'i pula hendaklah kedudukan makmum dan imam dalam jarak tiga *zirā'* iaitu lebih kurang 1.5 meter. Begitu juga jarak antara saf pertama dengan saf kedua dan seterusnya (Al-Nawawi t.th). Jika makmum berada di luar bangunan masjid, maka jarak maksimum antara imam dan makmum dan antara makmum dengan makmum yang dapat melihat solat imam serta mendengar takbirnya adalah 300 *zirā'* iaitu lebih kurang 150 meter (Al-Nawawi t.th). Walaupun begitu, jika berada dalam satu bangunan masjid, maka tidak mengapa jika jarak antara keduanya dekat atau jauh kerana luasnya masjid, sebab memang masjid dibina untuk solat dan berjemaah di dalamnya. Maka jarak yang berjauhan tidak mempengaruhi hukumnya. Imam al-Rāfi'i (1997) berkata:

فَمَتَى كَانَ الْإِمَامُ وَالْمَأْمُومُ فِي مَسْجِدٍ وَاحِدٍ صَحَّ الْإِفْتِدَاءُ، فَزَيْتِ الْمَسَافَةُ بَيْنَهُمَا أَوْ بَعْدَتْ لِكِبْرِ الْمَسْجِدِ، ...؛ لِأَنَّ الْمَسْجِدَ كُلَّهُ مَبْنِيٌّ لِلصَّلَاةِ وَإِقَامَةِ الْجَمَاعَةِ فِيهِ، فَالْمَجْتَمِعُونَ فِيهِ مُجْتَمِعُونَ لِإِقَامَةِ الْجَمَاعَةِ مُؤَدُّونَ لِشِعَارِهَا، فَلَا يَضُرُّهُمْ بَعْدُ الْمَسَافَةُ

Terjemahan: Bila mana imam dan makmum berada dalam satu masjid, maka sah *iqtidā'*nya (mengikut imam) sama ada jarak antara keduanya dekat atau jauh kerana luasnya masjid, sebab masjid semua ruangnya adalah tempat untuk solat dan mendirikan jemaah di dalamnya. Jadi jemaah yang berkumpul di dalamnya adalah berkumpul untuk mendirikan jemaah dan menunaikan syiarnya, maka jarak yang berjauhan tidak mempengaruhinya.

Namun, bagaimana pula hukum dengan solat berjemaah dalam keadaan jarak satu meter antara imam dengan makmum serta antara makmum dengan makmum yang lain ketika tempoh pandemik COVID-19? Hukum bagi hal ini akan dihuraikan mengikut pendekatan kaedah *takhṣīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās*.

Terdapat dalil umum daripada hadith Nabi SAW yang menyarankan supaya berubat apabila terkena penyakit. Sabda Nabi SAW:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوُوا وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan ubat serta menjadikan bagi setiap penyakit ada ubatnya. Maka berubatlah kamu dan jangan kamu berubat dengan benda yang haram

[*Sunan Abū Dāwud*, no hadith: 3874]

Cara rawatan bukan hanya dengan memakan ubat sahaja, namun boleh juga dilakukan dengan cara pencegahan awal daripada terkena jangkitan. Nabi SAW menegaskan secara khusus supaya menjauhkan diri daripada pesakit kusta kerana kebimbangan terhadap jangkitan. Sabda Baginda SAW:

فِرٌّ مِنَ الْمَجْدُومِ فِرَارَكَ مِنَ الْأَسَدِ

Terjemahan: Jauhilah penyakit kusta seperti mana kamu lari daripada singa

[*Musnad Aḥmad*, no. hadith: 9722]

Oleh itu, aplikasi hukum dalam kes ini menggunakan pendekatan kaedah *takhṣīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās* ditunjukkan dalam jadual seperti di bawah:

Jadual 3: Aplikasi Kaedah *Takhṣīṣ al-Nuṭq* dengan *Qiyās* dalam Isu Penjarakan Jemaah dalam Saf Solat.

Teori Kaedah			Aplikasi Kaedah
Perkara	Perkara	Butiran	
Peringkat 1	<i>Ta'arud al-adillah</i>	<i>Nas</i> umum (saranan hadith supaya berubat daripada penyakit)	Saranan secara umum supaya berubat daripada penyakit
		<i>Nas</i> khusus (saranan hadith supaya menjauhkan diri daripada orang yang berpenyakit kusta)	Saranan secara khusus supaya menjauhkan diri daripada orang yang berpenyakit kusta
Peringkat 2	<i>Takhṣīṣ</i>	Hadith umum tentang berubat daripada	Menjauhi daripada penyakit berjangkit

Penyelesaian *Ta'arud al-Adillah* Melalui *Takhṣīṣ al-Nuṭq* Dengan *Qiyās* dan Aplikasi Hukumnya dalam Mencegah Pandemi COVID-19

		penyakit ditaksiskan oleh hadith supaya menjauhkan diri daripada orang yang berpenyakit kusta	
Peringkat 3	Qiyas	Perkara asal	Penyakit kusta
Peringkat 4		Hukum perkara asal	Menjauhkan diri
Peringkat 5		Perkara cabang	Virus korona
Peringkat 6		' <i>Illah</i> hukum perkara asal	Kebimbangan terhadap jangkitan
Peringkat 7	Natijah	Hukum penjarakan jemaah dalam saf solat	Menjauhkan/ menjarakkan diri

(Sumber: Abdul Azib & Mohd Kamil, 2021)

Berdasarkan jadual 3 di atas, dalil menjauhi penyakit berjangkit seperti kusta telah dikiaskan ke atas penyakit virus korona kerana mempunyai persamaan '*illah* dari sudut kebimbangan jangkitan. Dari segi logik, menjauhkan diri daripada orang yang dibimbangi mempunyai virus korona adalah lebih utama kerana ia sukar untuk dipastikan sama ada positif atau tidak, berbanding penyakit kusta yang boleh dikesan serta dilihat dengan pancaindera. Oleh itu, *takhṣīṣ al-nuṭq* dengan *qiyās* dalam isu ini adalah menggunakan *qiyās jaliy*.

Justeru, pengamalan solat berjemaah dalam keadaan renggang satu meter dikira masih sah dalam situasi pandemik COVID-19 kerana kebimbangan terhadap penyakit. Ia juga tetap dikira masih mendapat pahala saf dan solat berjemaah. Antara ulama kontemporari yang berpandangan seperti ini adalah Prof. Dr. Khālid bin Alī al-Musyaiqih (2020) melalui katanya:

*“Sunnah (tuntutan Rasulullah) bahawa saf solat haruslah berdekatan, jarak antara satu saf dengan saf berikutnya adalah seukuran tempat sujud. Tetapi jika (berjauhan jarak) diperlukan kerana bimbang terjangkit penyakit, maka berjauhan saf tidak mengapa, walaupun seorang harus solat sendiri di belakang saf kerana hajat (keperluan).”*

#### 4. Penutup

Kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu mencadangkan penyelesaian secara harmoni pertentangan dalil yang berlaku dalam isu penangguhan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid serta penjarakan jemaah dalam saf solat ketika musim PKP. Ia telah diselesaikan melalui pendekatan *al-jam'u wa al-tawfiq*. Dapatan utama kajian mendapati natijah

perbincangan hukum yang dikeluarkan melalui kaedah ini secara tidak langsung sebenarnya telah diaplikasikan oleh kerajaan melalui arahan supaya ditangguhkan sebarang aktiviti keagamaan di masjid dan surau ketika awal tempoh PKP serta mengekalkan arahan penjarakan fizikal bagi memutuskan rantaian virus korona daripada terus menular. Oleh itu pengkaji mencadangkan supaya kaedah berdalil seperti ini diteroka dan diketengahkan kepada golongan agamawan supaya dapat mengurangkan pertikaian hukum yang berlaku. Kaedah ini juga sesuai diperluaskan sebagai suatu kaedah istinbat hukum yang berkesan dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan isu-isu kontemporari yang lain.

### Rujukan

- ‘Iyād bin Nāmi al-Sulamī. (2020). *Uṣūl al-Fiqh al-Lazī Lā Yasa‘u al-Faqīh Jahluhu*. Kaherah: Dar Ibn al-Jawzi.
- Abū al-Husīn al-Baṣrī, Muhammad bin ‘Ali al-Tayyib. (1983). *Al-Mu’tamad fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abū Ya’la al-Farrā’, Muhammad bin al-Husin bin Muhammad. (1993). *Al-‘Uddah fī Uṣūl al-Fiqh*. Arab Saudi: TP.
- Adham Tamām Farāj. (2016). *Takhsīṣ al-Naṣ bi al-Qiyās wa Atharuhu fī al-Furū’ al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Kuliyyah al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wal al-‘Arabiyyah Banīn.
- Ahmad Atabik. (2015). Kontradiksi antar dalil dan cara penyelesaiannya prespektif ushuliyin. *Jurnal Pemikiran Hukum dan Hukum Islam*, 6(2), 257.
- Al-Baiḍāwī, ‘Abd Allah bin ‘Umar bin Muhammad. (1996). *Minhāj al-Wuṣūl fī ‘Ilm al-Uṣūl*. Kaherah: Muassasah al-Risalah.
- Al-Bājī, Sulayman bin Khalaf bin Sa’d al-Qurtubi. (2000). *Al-Ishārāt fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Al-Barzanjī, ‘Abd al-Latīf bin ‘Abd Allāh. (1993). *Al-Ta’arud wa al-Tarjīh baina al-Adillah al-Syar’iyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘īl. (2002). *Al-Jāmi’ al-Musnad al-Ṣaḥīh, Ṣaḥīh al-Bukhārī*. Beirut: Dār Tūq al-Najāh.
- Al-Fairūzābādī, Muhammad bin Ya’kub. (2005). *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muhammad bin Muhammad. (1993). *Al-Mustasfā min ‘ilm al-Ṭarīqah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Hafnāwī, Muhammad Ibrahim Muhammad. (1987). *Al-Ta’arud wa al-Tarjīh ‘ind al-Uṣūliyyīn wa Atharuhuma fī al-Fiqh al-Islāmiy*. Mansurah: Dār al-Wafā’.
- Al-Khuḍarī Bik, Muhammad bin ‘Aḥīfī al-Bājūrī. (1969). *Uṣūl al-Fiqh*. Mesir: Al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā.
- Al-Musyāiqih, Khalid bin Ali. (2020). “*Al-Ahkām al-Fiqhiyyah al-Muta’aliqah bi Wabā’ Korona*”.  
[https://d1.islamhouse.com/data/pdf-viewer/web/viewer.html?file=https://d1.islamhouse.com/data/ar/ih\\_books/single\\_09/ar-alahkam-alfaqiah-almutaaliqah-be-corona.pdf](https://d1.islamhouse.com/data/pdf-viewer/web/viewer.html?file=https://d1.islamhouse.com/data/ar/ih_books/single_09/ar-alahkam-alfaqiah-almutaaliqah-be-corona.pdf)
- Al-Nawawi, Muhyi al-Dīn Yahyā bin Sharaf. (t.th). *Al-Majmū’ Sharh al-Muhazzab*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Rāfi’ī, ‘Abd al-Karim bin Muhammad bin ‘Abd al-Karīm. (1997). *Al-‘Azīz Sharh al-Wajīz al-Ma’rūf bi Sharh al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Sam’āni, Mansur bin Muhammad bin ‘Abd al-Jabbar. (1999). *Qawāti’ al-Adillah fī al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Penyelesaian *Ta'arud al-Adillah* Melalui *Takhṣīṣ al-Nuṭq* Dengan *Qiyās* dan Aplikasi Hukumnya dalam Mencegah Pandemi COVID-19

- Al-Sharkhāṣī, Abū Bakr bin Muhammad bin Ahmad. (1996). *Al-Muḥarrar fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Shaukānī, Muhammad bin 'Alī bin Muhammad. (1999). *Irshād al-Fuḥūl ilā Tahqīq al-Haq min 'Ilm al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabiyy.
- Al-Taftāzānī, Mas'ūd bin 'Umar bin 'Abd Allāh. (1983). *Hāshiyah al-Taftāzānī wa Hāshiyah al-Sharīf al-Jurjānī 'alā al-Muntahā al-Uṣūlī li Ibn al-Ḥājib*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Wābil, Abdul Majid bin Yusuf. (2019). *Takhṣīṣ al-'Ām bi al-Qiyās*. Kaherah: Dār Ibn al-Jawzi.
- Al-Zarkashī, Muhammad bin 'Abd Allāh bin Bahādūr. (1994). *Al-Baḥr al-Muḥīt fī Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Kutubiy.
- Al-Zarkashī, Muhammad bin 'Abd Allāh bin Bahādūr. (1997). *Ithāf al-Anām bi Takhṣīṣ al-'Ām*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- DG of Health. (2020, March 11). "Kenyaan Akhbar KPK 11 Mac 2020 – Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia". <https://kpkkesihatan.com/2020/03/11/kenyaan-akhbar-kpk-11-mac-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>
- Eko Misbahuddin Hasibun dan Muhammad Yusran. (2020). Hukum salat berjemaah di masjid dengan saf terpisah karena wabah COVID-19. *Bustanul Fuqaha: Jurnal Bidang Hukum Islam*, 1(2), 106-124.
- Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukarram bin 'Alī. (1994). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dar Ṣādir.
- Imām al-Haramayn, Abū al-Ma'ālī 'Abd al-Mālik bin 'Abd Allāh al-Juwaynī. (2003). *Matn al-Waraqāt*. Kaherah: Dār al-Salām li al-Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzī'.
- Khallāf, 'Abd al-Wahhāb. (t.th). *'Ilm Uṣūl al-Fiqh*. TTP: Maktabah al-Da'wah.
- Muslim, Ibn al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushairi al-Naisaburi. (t.th). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi.
- Prime Minister's Office of Malaysia. (2020, March 25). "Perutusan Khas YAB Perdana Menteri (25 Mac 2020)". <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-25-mac-2020/>
- Rahimin Affandi Abdul Rahim et. al. (2009). Ijtihad dalam institusi fatwa di Malaysia: satu analisis. *Jurnal Syariah*, 17(1), 198.
- Siti Zubaidah Ismail dan Muhammad Zahiri Awang Mat. (2008). Kesalahan tidak sembahyang Jumaat: tinjauan dari perspektif fiqh dan undang-undang kesalahan jenayah syariah. *Jurnal Hukum*, JH 29(2), 131-154.
- Usāmah Faiṣal. (2008). *Al-Takhṣīṣ wa Atharuhu fī al-Ijtihād*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- World Health Organization. (2021, May 12). "Coronavirus disease (COVID-19) advice for public". <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/advice-for-public>
- Zulkifli al-Bakri. (2020, Mac 16). *Kenyaan Media Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Penangguhan Semua Aktiviti Keagamaan di Masjid dan Surau serta Panduan Pengurusan Jenazah Mangsa COVID-19*. Facebook. <https://m.facebook.com/drzulkifliabakri/photos/a.654471384616667/3174839842579796/?type=3&source=48>